BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 11/18/04

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 16 November 2018

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2018

Ekonomi Malaysia meningkat 4.4% pada suku ketiga 2018

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan disebabkan oleh perkembangan penggunaan swasta yang kukuh berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) pada kadar sifar. Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan menyokong pertumbuhan, sementara sektor perlombongan terus menerima kesan daripada kejutan pengeluaran. Sektor pertanian kekal lemah disebabkan pemulihan yang berlanjutan daripada kekangan pengeluaran dalam suku sebelum ini. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 1.6% lebih pantas berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 0.3% pada suku sebelumnya.

Inflasi keseluruhan menurun kepada 0.5% pada suku ketiga 2018 (S2 2018: 1.3%), mencerminkan terutamanya kesan daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar. Pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula 1 September 2018 memberikan impak yang sedikit ke atas inflasi pada suku ketiga.

Pada masa hadapan, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil

Aktiviti sektor swasta akan terus berperanan sebagai pemacu utama pertumbuhan di tengah-tengah penyusunan semula perbelanjaan sektor

awam. Bagi tempoh selanjutnya pada tahun 2018 dan menjelang tahun 2019, pemulihan pengeluaran komoditi secara beransur-ansur juga akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan.

Inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan kadar purata tahunan yang rendah pada tahun 2018, sebahagian besarnya mencerminkan kesan daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar dan harga minyak dalam negeri yang stabil. Pada masa hadapan, inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat disebabkan terutamanya oleh harga minyak global yang dijangka lebih tinggi dan pengapungan harga bahan api dalam negeri. Meskipun kesan dasar cukai penggunaan akan menyumbang kepada kenaikan inflasi keseluruhan pada tahun 2019, kesan itu akan luput menjelang akhir tahun tersebut.

Buletin Suku Tahunan juga memaparkan dua rencana. Pertama, “Ketegangan Perdagangan yang Semakin Meruncing dan Potensi Kesan Limpahan Kepada Malaysia” memberikan penilaian terkini bagaimana ketegangan perdagangan global yang sedang berlaku telah memberi kesan kepada prospek perdagangan, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi global dan Malaysia. Kedua, “Profil Hutang Luar Negeri Malaysia” menghuraikan profil hutang luar negeri Malaysia, memperincikan ciri-cirinya yang utama dan menggariskan faktor yang boleh mengurangkan risiko.

Bank Negara Malaysia
16 November 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato’ Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	5.7	6.7	4.1	5.6	4.9
Sektor Swasta	*71.1*	7.2	7.7	5.2	7.5	6.4
Penggunaan	*53.7*	*7.1*	*6.9*	*6.9*	*8.0*	*7.4*
Pelaburan	*17.4*	*7.4*	*10.0*	*0.5*	*6.1*	*3.4*
Sektor Awam	*21.0*	0.2	2.9	-0.1	-1.4	-0.7
Penggunaan	*13.0*	*3.3*	*5.3*	*0.4*	*3.1*	*1.8*
Pelaburan	*8.0*	*-5.0*	*-0.9*	*-1.0*	*-9.8*	*-5.2*
Eksport Bersih	7.7	1.9	-6.9	62.4	1.7	29.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.8*	*9.4*	*9.6*	*3.7*	*2.0*	*2.9*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*65.1*	*10.4*	*11.7*	*-2.0*	*2.1*	*0.0*
KDNK	**100.0**	**5.8**	**5.7**	**5.4**	**4.5**	**4.9**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.3**	**-**	**1.4**	**0.3**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
Perkhidmatan	54.5	6.3	6.1	6.5	6.5	6.5
Perkilangan	23.0	6.0	5.8	5.3	4.9	5.1
Perlombongan	8.4	0.1	0.7	0.1	-2.2	-1.0
Pertanian	8.2	5.9	7.1	2.8	-2.5	0.1
Pembinaan	4.6	8.3	7.4	4.9	4.7	4.8
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.8**	**5.7**	**5.4**	**4.5**	**4.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia